



15 Ogos 2023
15 August 2023
P.U. (A) 242

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(BAGI INDIVIDU PEMASTAUTIN YANG BUKAN
WARGANEGARA DAN MEMEGANG JAWATAN C SUITE
DALAM SUATU SYARIKAT YANG DILULUSKAN) 2023

*INCOME TAX (FOR AN INDIVIDUAL RESIDENT WHO IS NOT
A CITIZEN AND HOLDS C SUITE POSITION IN
AN APPROVED COMPANY) RULES 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(BAGI INDIVIDU PEMASTAUTIN YANG BUKAN WARGANEGARA DAN MEMEGANG
JAWATAN C SUITE DALAM SUATU SYARIKAT YANG DILULUSKAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama perenggan 2 Bahagian XVIII Jadual 1 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Bagi Individu Pemastautin yang Bukan Warganegara dan Memegang Jawatan C Suite dalam Suatu Syarikat yang Diluluskan) 2023**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“individu yang layak” ertinya seseorang individu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subkaedah 4(2);

“jawatan C Suite” ertinya jawatan eksekutif kanan atasan yang bergantung kepada kepandaian fungsional dan kemahiran teknikal seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Pegawai Maklumat;

“Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia” ertinya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [*Akta 397*];

“syarikat yang diluluskan” ertinya suatu syarikat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah 3.

Syarikat yang diluluskan

3. Suatu syarikat yang diluluskan di bawah Kaedah-Kaedah ini ialah suatu syarikat yang telah diberikan—

- (a) suatu pengecualian cukai di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2023 [*P.U. (A) 240/2023.*]; atau
- (b) suatu skim insentif di bawah—
 - (i) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Pengilangan) 2023 [*P.U. (A) 241/2023*]; atau
 - (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan) 2022 [*P.U. (A) 398/2022*].

Permohonan bagi insentif

4. (1) Individu yang layak boleh memohon insentif di bawah Kaedah-Kaedah ini tertakluk kepada—

- (a) permohonan itu dibuat secara bertulis oleh syarikat yang diluluskan dan diterima oleh Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia—
 - (i) berhubung dengan syarikat yang diluluskan di bawah perenggan 3(a) dan subperenggan 3(b)(i), pada atau selepas 7 November 2020 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2024; atau
 - (ii) berhubung dengan syarikat yang diluluskan di bawah subperenggan 3(b)(ii), pada atau selepas 7 November 2020 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2022; dan

(b) individu yang layak itu hendaklah tidak pernah diberikan insentif di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, individu yang layak ialah individu pemastautin yang bukan warganegara yang digaji oleh suatu syarikat yang diluluskan dan memegang jawatan C Suite sepanjang tahun taksiran yang ditentukan.

(3) Bilangan individu yang layak yang disebut dalam subkaedah (2) bagi setiap suatu syarikat yang diluluskan adalah terhad kepada lima sahaja.

Syarat kelayakan bagi insentif

5. Individu yang layak yang permohonannya di bawah kaedah 4 telah diluluskan hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan oleh Menteri sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kelulusan, yang hendaklah termasuk seperti yang berikut:

- (a) bermastautin di Malaysia bagi setiap tahun taksiran dalam tahun taksiran yang ditentukan;
- (b) menerima pendapatan daripada penggajian dengan syarikat yang diluluskan dalam tahun taksiran yang ditentukan;
- (c) memegang jawatan C Suite dalam suatu syarikat yang diluluskan dalam tahun taksiran yang ditentukan; dan
- (d) menerima gaji pokok minimum sebanyak dua puluh lima ribu ringgit sebulan.

Kadar yang terpakai

6. (1) Kadar cukai pendapatan yang dikenakan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi tahun taksiran yang ditentukan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi seorang individu yang layak yang mempunyai dan menjalankan penggajian di syarikat yang diluluskan adalah lima belas peratus.

(2) Pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi individu yang layak yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

- iaitu
- A ialah pendapatan berkanun daripada penggajian dengan syarikat yang diluluskan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa tahun taksiran yang ditentukan;
- B ialah pendapatan agregat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa tahun taksiran yang ditentukan dengan syarat bahawa dalam hal taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) Akta, pendapatan agregat daripada semua punca hendaklah termasuk pendapatan daripada isteri atau suami, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- C ialah pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa tahun taksiran yang ditentukan.

(3) Jika pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada penggajian individu yang layak itu telah ditentukan di bawah subkaedah (2), apa-apa lebihan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi individu yang layak itu yang tertakluk kepada cukai hendaklah dikenakan cukai pendapatan bagi tahun taksiran itu di bawah Bahagian I Jadual 1 kepada Akta pada kadar yang sepatutnya terpakai bagi pendapatannya yang boleh dikenakan cukai jika individu itu tidak diluluskan sebagai individu yang layak di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Tahun taksiran yang ditentukan

7. Tahun taksiran yang ditentukan yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini adalah bagi tempoh lima tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun taksiran sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dalam surat kelulusan yang disebut dalam kaedah 5.

Penarikan balik insentif

8. (1) Menteri boleh menarik balik insentif yang diberikan di bawah Kaedah-Kaedah ini sekiranya individu yang layak gagal untuk mematuhi mana-mana syarat di bawah kaedah 5.

(2) Jika insentif ditarik balik mengikut subkaedah (1), insentif itu hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada individu yang layak itu dari tahun pertama tahun taksiran yang ditentukan.

Pemberhentian pemakaian

9. Jika individu yang layak berhenti daripada digaji oleh syarikat yang diluluskan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa tahun taksiran yang ditentukan, Kaedah-Kaedah ini hendaklah terhenti terpakai kepada individu yang layak itu mulai tahun taksiran semasa individu yang layak berkenaan berhenti daripada digaji.

Dibuat 8 Ogos 2023

[Perb.MOF.TAX(S)700-2/1/135; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-147; PN(PU2)80/JLD.109]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (FOR AN INDIVIDUAL RESIDENT WHO IS NOT A CITIZEN AND
HOLDS C SUITE POSITION IN AN APPROVED COMPANY) RULES 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) read together with paragraph 2 of Part XVIII of Schedule 1 to the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (For an Individual Resident Who is Not A Citizen and Holds C Suite Position in an Approved Company) Rules 2023**.

(2) These Rules are deemed to have effect from the year of assessment 2021.

Interpretation

2. In these Rules—

“qualifying individual” means any individual as provided under subrule 4(2);

“C Suite position” means the position of top senior executives which relies on functional know-how and technical skills such as Chief Executive Officer, Chief Financial Officer, Chief Operating Officer and Chief Information Officer;

“Malaysian Investment Development Authority” means the Malaysian Investment Development Authority established under the Malaysian Investment Development Authority (Incorporation) Act 1965 [Act 397];

“approved company” means a company as provided under rule 3.

Approved company

3. An approved company under these Rules shall refer to a company that has been granted—

- (a) a tax exemption under the Income Tax (Exemption) Order 2023 [*P.U. (A) 240/2023*]; or
- (b) an incentive scheme under—
 - (i) the Income Tax (Relocation of Manufacturing Business Incentive Scheme) Rules 2023 [*P.U. (A) 241/2023*]; or
 - (ii) the Income Tax (Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme) Rules 2022 [*P.U. (A) 398/2022*].

Application for incentive

4. (1) A qualifying individual may apply for an incentive under these Rules subject to—

- (a) the application shall be made in writing by an approved company and received by the Minister through the Malaysian Investment Development Authority—
 - (i) in relation to an approved company under paragraph 3(a) and subparagraph 3(b)(i), on or after 7 November 2020 but not later than 31 December 2024; and
 - (ii) in relation to an approved company under paragraph 3(b)(ii), on or after 7 November 2020 but not later than 31 December 2022; and
- (b) the qualifying individual has never been granted an incentive under these Rules.

(2) For the purposes of these Rules, a qualifying individual is an individual resident who is not a citizen employed by an approved company and holding the C Suite position during the specified years of assessment.

(3) The number of qualifying individual referred to in subrule (2) for every approved company is limited to five only.

Eligibility conditions for incentive

5. A qualifying individual which his application under rule 4 is approved shall fulfill the conditions imposed by the Minister as specified in the approval letter, which shall include the following:

- (a) resident in Malaysia for each year of assessment in the specified years of assessment;
- (b) receives income from an employment with an approved company in the specified years of assessment;
- (c) holds C Suite position in the approved company in the specified years of assessment; and
- (d) receives a minimum basic salary of twenty-five thousand ringgit per month.

Applicable rate

6. (1) The rate of income tax which shall be charged under these Rules for the specified years of assessment upon the chargeable income of a qualifying individual having and exercising employment in an approved company is fifteen per cent.

(2) The chargeable income of a qualifying individual referred to in subrule (1) shall be determined in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

where A is the statutory income from employment with the approved company in a basis period for a year of assessment during the specified years of assessment;

B is the aggregate income in the basis period for a year of assessment during the specified years of assessment provided that in the case of a combined assessment under subsection 45(2) of the Act, the aggregate income from all sources shall include income from the wife or husband, as the case may be; and

C is the chargeable income in the basis period for a year of assessment during the specified years of assessment.

(3) Where chargeable income from employment of a qualifying individual has been determined under subrule (2), any excess of chargeable income of that qualifying individual which is subject to tax shall be charged to income tax for that year of assessment under Part I of Schedule 1 to the Act at the rate that would have been applicable for his chargeable income if the individual had not been approved as a qualifying individual under these Rules.

Specified years of assessment

7. The specified years of assessment referred to in these Rules is a period of five consecutive years of assessment commencing from the year of assessment as determined by the Minister in the approval letter referred to in rule 5.

Withdrawal of incentive

8. (1) The Minister may withdraw the incentive granted under these Rules if the qualifying individual fails to comply with any condition under rule 5.

(2) Where the incentive is withdrawn in accordance with subrule (1), the incentive shall be deemed to have not been granted to the qualifying individual from the first year of the specified years of assessment.

Cessation of application

9. Where the qualifying individual ceases to be employed by the approved company in a basis period for a year of assessment during the specified years of assessment, these Rules shall cease to apply to the qualifying individual from the year of assessment during which such qualifying individual ceases to be employed.

Made 8 August 2023

[Perb.MOF.TAX(S)700-2/1/135; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-147; PN(PU2)80/JLD.109]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]